

Soalan Lazim Kempen Akaun Pelaburan Bertempoh-i (TIA-i)	
1	Apakah itu Akaun Pelaburan Bertempoh-i (TIA-i)? Akaun Pelaburan Bertempoh-i (TIA-i) ialah akaun pelaburan tanpa sekatan yang ditawarkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad. Ia berasaskan konsep Syariah Wakalah Bi Al-Istithmar, di mana pelabur (Pemegang Akaun Pelaburan atau IAH) melantik Bank sebagai ejen (wakil) untuk menguruskan dana pelaburan. Bank akan melaburkan dana tersebut dalam satu portfolio aset patuh Syariah, dan keuntungan akan dikongsi mengikut terma yang telah dipersetujui.
2	Apakah tempoh promosi Kempen TIA-i? Kempen berjalan dari 24 Julai 2025 hingga 31 Disember 2025.
3	Siapakah yang layak untuk menyertai kempen ini? <u>Individu</u> - Terbuka kepada semua pelanggan Baharu dan sedia ada berumur 18 tahun dan ke atas. - Bermastautin di Malaysia (termasuk Bukan Pemastautin). <u>Bukan Individu</u> - Pemilikan Tunggal - Perkongsian - Agensi Professional - Syarikat (seperti yang telah ditetapkan oleh Bank) - Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) - Persatuan / Pertubuhan <u>Nota:</u> - Akaun bersama adalah dibenarkan. - Bagi kanak-kanak di bawah umur lapan belas (18) tahun, akaun mestilah dibuka dan dikendalikan oleh ibu bapa atau penjaga sah dengan mengemukakan Sijil Kelahiran / MyKid. - Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) tertakluk kepada Penilaian Kesesuaian IAH. - Kelayakan akaun standard Bank turut terpakai bagi pembukaan akaun TIA. - Kriteria di atas adalah tertakluk kepada dasar Bank dari semasa ke semasa.
4	Apakah kadar, tempoh dan penempatan minimum untuk Kempen ini?

Soalan Lazim													
Kempen Akaun Pelaburan Bertempoh-i (TIA-i)													
		<table><tr><th>Tempoh</th><th>Jangkaan Kadar Keuntungan Profit Rates (p.a)</th><th>Penempatan Minima* (RM)</th></tr><tr><td>6 bulan</td><td>3.65%</td><td rowspan="3">10,000</td></tr><tr><td>9 bulan</td><td>3.70%</td></tr><tr><td>12 bulan</td><td>4.00%</td></tr></table>	Tempoh	Jangkaan Kadar Keuntungan Profit Rates (p.a)	Penempatan Minima* (RM)	6 bulan	3.65%	10,000	9 bulan	3.70%	12 bulan	4.00%	
Tempoh	Jangkaan Kadar Keuntungan Profit Rates (p.a)	Penempatan Minima* (RM)											
6 bulan	3.65%	10,000											
9 bulan	3.70%												
12 bulan	4.00%												
5	Berapakah jumlah pelaburan minimum untuk kempen TIA-i ini?												
	Jumlah penempatan minima untuk TIA-i adalah sebanyak RM10,000.												
6	Adakah akaun bersama dibenarkan untuk melabur dalam TIA-i?												
	Ya, akaun bersama dibenarkan untuk melabur dalam TIA-i.												
7	Adakah pengeluaran awal dibenarkan?												
	Pengeluaran awal dibenarkan tetapi tidak layak menerima sebarang keuntungan; bagaimanapun, atas budi bicara Bank, Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) mungkin diberikan hadiah (hibah) sehingga 1% sekiranya notis selama tiga puluh satu (31) hari kalendar untuk penebusan awal diberikan oleh IAH. Tiada keuntungan akan dibayar untuk pelaburan TIA dengan tempoh matang satu (1) bulan atau kurang. IAH akan melepaskan hak mereka (tanazul) terhadap sebarang keuntungan dari Bank.												
8	Apakah saluran yang tersedia untuk membuat penempatan?												
	Di kaunter di mana-mana cawangan Bank Muamalat.												
9	Apakah konsep Syariah yang menjadi asas kepada TIA-i?												
	Ciri-ciri Syariah produk ini termasuk: • <i>Wakalah bi al-Istithmar</i> bermaksud kontrak wakalah boleh dibuat bagi tujuan pelaburan. • <i>Wakalah</i> merujuk kepada kontrak di mana satu pihak sebagai prinsipal (muwakkil) melantik pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara yang boleh diwakilkan, sama ada dengan atau tanpa bayaran.												
10	Apakah dokumen yang diperlukan semasa permohonan?												

Soalan Lazim													
Kempen Akaun Pelaburan Bertempoh-i (TIA-i)													
	<table> <tr> <th>Jenis Pelanggan</th><th>Dokumen yang Diperlukan</th></tr> <tr> <td>Individu / Bersama Akaun / Akaun Amanah / Kanak-kanak (Minor) / Akaun Luar (External)</td><td> - Borang Permohonan Manual - MyKad / MyPR / MyTentera / Kad Tentera - MyKid atau Sijil Kelahiran - Pasport dengan VISA yang sah </td></tr> <tr> <td>Pemilikan Tunggal</td><td> - Manual Application Form - Mykad/MyPR/MyTentera/ Army ID/ /Passport - Borang B - Borang D - PNA 23 </td></tr> <tr> <td>Perkongsian</td><td> - Borang Permohonan Manual - Borang B - Borang D - PNA 23 - Salinan Surat Ikatan Perkongsian </td></tr> <tr> <td>Agensi Professional</td><td> - Borang Permohonan Manual - MyKad / MyPR / MyTentera / Kad Tentera / Pasport - Pengesahan keahlian profesional oleh pihak berkuasa atau badan kawal selia yang berkaitan </td></tr> <tr> <td>Syarikat (Bhd/Sdn Bhd)</td><td> - Borang Permohonan Manual - MyKad / MyPR / MyTentera / Kad Tentera / Pasport - Salinan Sijil Resolusi Lembaga Pengarah yang disahkan - Salinan Memorandum dan Artikel Penubuhan - Sijil Pemerbadanan - Sijil Kuasa (Syarikat Awam Terhad) - Borang 24 </td></tr> </table>	Jenis Pelanggan	Dokumen yang Diperlukan	Individu / Bersama Akaun / Akaun Amanah / Kanak-kanak (Minor) / Akaun Luar (External)	- Borang Permohonan Manual - MyKad / MyPR / MyTentera / Kad Tentera - MyKid atau Sijil Kelahiran - Pasport dengan VISA yang sah	Pemilikan Tunggal	- Manual Application Form - Mykad/MyPR/MyTentera/ Army ID/ /Passport - Borang B - Borang D - PNA 23	Perkongsian	- Borang Permohonan Manual - Borang B - Borang D - PNA 23 - Salinan Surat Ikatan Perkongsian	Agensi Professional	- Borang Permohonan Manual - MyKad / MyPR / MyTentera / Kad Tentera / Pasport - Pengesahan keahlian profesional oleh pihak berkuasa atau badan kawal selia yang berkaitan	Syarikat (Bhd/Sdn Bhd)	- Borang Permohonan Manual - MyKad / MyPR / MyTentera / Kad Tentera / Pasport - Salinan Sijil Resolusi Lembaga Pengarah yang disahkan - Salinan Memorandum dan Artikel Penubuhan - Sijil Pemerbadanan - Sijil Kuasa (Syarikat Awam Terhad) - Borang 24
Jenis Pelanggan	Dokumen yang Diperlukan												
Individu / Bersama Akaun / Akaun Amanah / Kanak-kanak (Minor) / Akaun Luar (External)	- Borang Permohonan Manual - MyKad / MyPR / MyTentera / Kad Tentera - MyKid atau Sijil Kelahiran - Pasport dengan VISA yang sah												
Pemilikan Tunggal	- Manual Application Form - Mykad/MyPR/MyTentera/ Army ID/ /Passport - Borang B - Borang D - PNA 23												
Perkongsian	- Borang Permohonan Manual - Borang B - Borang D - PNA 23 - Salinan Surat Ikatan Perkongsian												
Agensi Professional	- Borang Permohonan Manual - MyKad / MyPR / MyTentera / Kad Tentera / Pasport - Pengesahan keahlian profesional oleh pihak berkuasa atau badan kawal selia yang berkaitan												
Syarikat (Bhd/Sdn Bhd)	- Borang Permohonan Manual - MyKad / MyPR / MyTentera / Kad Tentera / Pasport - Salinan Sijil Resolusi Lembaga Pengarah yang disahkan - Salinan Memorandum dan Artikel Penubuhan - Sijil Pemerbadanan - Sijil Kuasa (Syarikat Awam Terhad) - Borang 24												
11	Adakah produk ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)?												

Soalan Lazim																												
Kempen Akaun Pelaburan Bertempoh-i (TIA-i)																												
	Tidak, TIA-i adalah produk pelaburan tanpa jaminan prinsipal dan tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).																											
12	Apakah mod pelaburan yang tersedia untuk Akaun Pelaburan Bertempoh (TIA)?																											
	<table><tr><th>Kaedah Pelaburan</th><th>Tarikh Berkuatkuasa</th></tr><tr><td>1. Tunai</td><td>Serta-merta</td></tr><tr><td>2. Cek Dalaman</td><td>Serta-merta</td></tr><tr><td>3. Cek Tempatan</td><td>Selepas Tarikh penjelasan</td></tr><tr><td>4. Pindahan dalam Bank</td><td>Serta-merta</td></tr></table>	Kaedah Pelaburan	Tarikh Berkuatkuasa	1. Tunai	Serta-merta	2. Cek Dalaman	Serta-merta	3. Cek Tempatan	Selepas Tarikh penjelasan	4. Pindahan dalam Bank	Serta-merta																	
Kaedah Pelaburan	Tarikh Berkuatkuasa																											
1. Tunai	Serta-merta																											
2. Cek Dalaman	Serta-merta																											
3. Cek Tempatan	Selepas Tarikh penjelasan																											
4. Pindahan dalam Bank	Serta-merta																											
13	Adakah produk ini membenarkan penebusan awal?																											
	Penebusan awal dibenarkan; namun begitu, Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) tidak layak menerima sebarang keuntungan. Atas budi bicara Bank, hibah sehingga 1% mungkin diberikan, dengan syarat IAH memberikan notis selama tiga puluh satu (31) hari calendar sebelum penebusan dibuat. Tiada keuntungan akan dibayar bagi pelaburan TIA dengan tempoh matang satu (1) bulan. IAH juga hendaklah melepaskan hak (tanazul) terhadap sebarang keuntungan daripada pihak Bank. Ilustrasi: <table><tr><td>Jumlah Pelaburan</td><td>:</td><td>RM10,000</td></tr><tr><td>Tempoh</td><td>:</td><td>6 bulan</td></tr><tr><td>Tarikh Pelaburan</td><td>:</td><td>15 December 2025</td></tr><tr><td>Tarikh Matang</td><td>:</td><td>14 June 2026</td></tr><tr><td>Tarikh Penebusan Awal</td><td>:</td><td>5 March 2026</td></tr><tr><td>Kadar Pengeluaran Awal</td><td>:</td><td>1.00%</td></tr><tr><td>Jumlah Hari Pelaburan</td><td>:</td><td>80 hari</td></tr></table> Bulan Lengkap yang Layak untuk Kadar Pengeluaran Awal: <table><tr><td>1 bulan pertama</td><td>:</td><td>15 Disember 2025 – 14 Januari 2026 (31 hari)</td></tr><tr><td>Bulan ke-2</td><td>:</td><td>15 Januari 2026 – 14 Febuari 2026 (31 hari)</td></tr></table> Jumlah Hari Pelaburan yang Memberi Keuntungan : 62 hari <u>15 Disember 2025 hingga 31 Disember 2025</u> Hari : 17 hari	Jumlah Pelaburan	:	RM10,000	Tempoh	:	6 bulan	Tarikh Pelaburan	:	15 December 2025	Tarikh Matang	:	14 June 2026	Tarikh Penebusan Awal	:	5 March 2026	Kadar Pengeluaran Awal	:	1.00%	Jumlah Hari Pelaburan	:	80 hari	1 bulan pertama	:	15 Disember 2025 – 14 Januari 2026 (31 hari)	Bulan ke-2	:	15 Januari 2026 – 14 Febuari 2026 (31 hari)
Jumlah Pelaburan	:	RM10,000																										
Tempoh	:	6 bulan																										
Tarikh Pelaburan	:	15 December 2025																										
Tarikh Matang	:	14 June 2026																										
Tarikh Penebusan Awal	:	5 March 2026																										
Kadar Pengeluaran Awal	:	1.00%																										
Jumlah Hari Pelaburan	:	80 hari																										
1 bulan pertama	:	15 Disember 2025 – 14 Januari 2026 (31 hari)																										
Bulan ke-2	:	15 Januari 2026 – 14 Febuari 2026 (31 hari)																										

Soalan Lazim Kempen Akaun Pelaburan Bertempoh-i (TIA-i)	
	Hasil Keuntungan untuk Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) : $RM10,000 \times 1.00\% \times (17/365)$ = RM4.66 <u>1 Januari 2026 to 14 Febuari 2026</u> Hari : 45 hari Hasil Keuntungan untuk Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) : $RM10,000 \times 1.00\% \times (45/365)$ = RM12.33 Jumlah Hasil Keuntungan untuk Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) : $RM4.66 + RM12.33$ = RM16.99 Jumlah Pelaburan + Keuntungan : $RM10,000 + RM16.99$ = <u>RM10,016.99</u>
14	Adakah Akaun Pelaburan Bertempoh (TIA) ditawarkan dalam mata wang asing?
	Akaun Pelaburan Bertempoh (TIA) hanya ditawarkan dalam mata wang Ringgit Malaysia (MYR) sahaja.
15	Apakah yuran dan caj yang dikenakan?
	Tiada.
16	Siapakah yang bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang ditanggung daripada produk pelaburan ini?
	• Prinsipal pelaburan ini tidak dijamin. • Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemerosotan aset melainkan kerugian tersebut berpunca daripada salah laku, kecuaiian atau pelanggaran terma kontrak oleh Bank. • Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku sebarang kerugian, pihak Bank akan memberikan penjelasan mengenai sebab berlakunya kerugian tersebut. • Sebarang kerugian yang ditanggung bagi produk ini akan sepenuhnya ditanggung oleh Pemegang Akaun Pelaburan (IAH).

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, anda boleh menghubungi Khidmat Pelanggan kami di talian 03-26005500.